



Headline: Ahli perniagaan rugi RM194,000 ditipu 'polis' Macau Scam Language: Malay
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 27 March 2019 Page: 3

Ahli perniagaan rugi RM194,000 ditipu 'polis' Macau Scam

KOTA BHARU - Seorang ahli perniagaan kerugian RM194,000 selepas diperdaya satu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis minggu lalu.

Kejadian pada pukul 11 pagi 17 Mac lalu itu berlaku apabila mangsa berusia dalam lingkungan 70-an memindahkan wang ke dalam tiga akaun selepas menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis dari negeri pantai timur.

Timbalan Ketua Polis Kelan-

tan, Datuk Azmi Abu Kassim berkata, suspek mendakwa mangsa gagal hadir ke mahkamah atas kesalahan mencuri identiti untuk membuat pinjaman sebelum memindahkan talian kepada suspek kedua.

Katanya, mangsa yang takut kemudian telah mendedahkan maklumat peribadinya sebelum suspek mendakwa pula ahli perniagaan itu terlibat dengan kes pengubahan wang haram berjumlah RM200,000.

"Mangsa kemudian telah memindahkan kesemua wang di

dalam akaunnya ke tiga akaun lain berjumlah RM194,000 selepas risau duitnya akan disita pihak berkuasa. Suspek kemudian menghubungi sekali lagi mangsa supaya memasukkan lebih banyak wang.

"Curiga dengan permintaan itu, mangsa kemudian terus membuat laporan polis," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambahnya, setakat ini, pihaknya telah menerima 15 laporan penipuan Macau Scam melibatkan kerugian RM600,000.